

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1.0	Pengenalan	1
2.0	Objektif Garis Panduan	1
3.0	Definisi	2

BAHAGIAN II

PROSES PERMOHONAN PERMIT IZINLALU

4.0	Single Crossing	3
5.0	Multiple Crossing	4

BAHAGIAN III

TIGA SENARAI GARIS PANDUAN PERMIT IZINLALU YANG DIGUNAPAKAI

6.0	Garis Panduan Untuk Kawasan Pembangunan Baru	5-27
7.0	Garis Panduan Untuk Kawasan Pembangunan Sediada	28-38
8.0	Garis Panduan Untuk Penggalan Kerja Kecemasan Atau Luar Jangka	39

BAHAGIAN VI

KRITERIA DAN KAEDAH PERLAKSANAAN GARIS PANDUAN IZINLALU

9.0	Peraturan Dan Ketetapan Prosidur Kerja Dalam Mekanisme Pemantauan Penggalan/Pembinaan	40-41
10.0	Kerja Korekan	42-43
11.0	Spesifikasi/Ketetapan Kerja Baikpulihan	44-48
12.0	Lencongan Dan Penutupan Jalan	48-49

BAHAGIAN V

YURAN PEMPROSESAN DAN KADAR PEMBAYARAN BAIKPULIH

13.0	Yuran Pemprosesan	50
14.0	Kadar Pembayaran Untuk Kerja-Kerja Baikpulihan	51-53

PENUTUP	54
----------------	-----------

LAMPIRAN

Carta Alir Memproses Kelulusan Permohonan Izinlalu Untuk Single Crossing & Pelan	Lampiran 1
Carta Alir Memproses Kelulusan Permohonan Izinlalu Untuk Multiple Crossing & Pelan	Lampiran 2
Borang Setuju Terima Pakai (STP) /2015	Lampiran 3
Borang DBKU/IMT/WY1 (Application For Approval Of Wayleave Plan Submission)	Lampiran 4
Borang DBKU/IMT/WY2 (Application For Amendment/Renewal) (Extension) To Approve Wayleave Plan	Lampiran 5
Borang DBKU/IMT/WY3 (Notice Of Commencement Of Works On Site)	Lampiran 6
Borang DBKU/IMT/WY4 (Notice Of Completion Of Works On Site)	Lampiran 7
Format Blok Tajuk Pelan	Lampiran 8
Carta Aliran Perlaksanaan (Kecemasan)	Lampiran 9
Borang Dan Senarai Semak Kerja (Kecemasan)	Lampiran 10
Borang Service Order/Local Order atau Cek Untuk Pembayaran Permit Izinlalu	Lampiran 11
Borang Bil Pelbagai DBKU/FIN1-88 (PIND.3/08)	Lampiran 12
Borang Bil Bayar Dulu Sebelum Perkhidmatan Diberi (BDSPD) DBKU/Fin7-01 (Pind.1/14)	Lampiran 13

SUMBER RUJUKAN

Garis Panduan Untuk Memohon Dan Melaksanakan Kerja Izinlalu Di Dalam Kawasan Pentadbiran DBKU (*Pindaaan 1/2009*)

Garis Panduan State Planning Authority (Majlis Perancangan Negeri Sarawak)

State Road Ordinance 1994

Occupational Safety And Health Act 1994

Arahan Teknik Jalan (JKR) 2C/85

State Planning Authority (Majlis Perancangan Negeri).

Garis Panduan Majlis Perbandaran Johor Bahru

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1.0 Pengenalan

- 1.1 Garis Panduan ini untuk memaklumkan tentang peruntukan dan ketetapan merancang pembangunan jajaran kemudahan utiliti yang dipasang, ditanam, atau didirikan di dalam kawasan rizab jalan dan tanah yang telah dan akan diletak hak kuasa tanah meliputi semua kawasan Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU).
- 1.2 Ianya untuk mengawal aktiviti penggalian di dalam rizab jalan akibat pemasangan baru dan penyelenggaraan/pembaikan utiliti di struktur jalan. Disamping itu kawalan perancangan serta pembangunan utiliti akan lebih teratur dan terkawal.
- 1.3 Agensi utiliti adalah wajib untuk mengemukakan permohonan izinlalu untuk memasang kemudahan utiliti di dalam rizab jalan dan tanah yang telah dan akan diletak hak kuasa tanah di dalam kawasan pentadbiran Dewan Bandaraya Kuching Utara berdasar pada rujukan 'State Road Ordinance, 1994' di bawah Seksyen 5 dan lain-lain Subseksyen di bawahnya.
- 1.4 Walau bagaimanapun permohonan yang dikemukakan oleh perunding akan diterima dengan syarat perunding mengemukakan surat kebenaran yang masih sah dan belum luput tarikh kelulusan dari agensi utiliti yang berkaitan. Surat kelulusan permohonan izinlalu akan diberikan kepada agensi utiliti.
- 1.5 Kemudahan utiliti adalah termasuk semua saiz dan jenis kabel termasuk sistem elektrik, sistem telekomunikasi, sistem pengagihan air, sistem pembentungan dan sistem saluran gas.

2.0 Objektif Garis Panduan Dan Piawaian Perancang Adalah Seperti Berikut.

- 2.1 Memastikan perancangan dan penyediaan rizab serta penempatan utiliti di Negeri Sarawak adalah selaras dan bersistematik.
- 2.2 Memastikan penggalian di dalam rizab jalan untuk penyelenggaraan/pembaikan utiliti dibuat dengan lebih teratur, terkawal dan dipulihkan dengan baik.
- 2.3 Menjaga kesejahteraan dan keselamatan kepada pengguna jalan raya dan masyarakat.
- 2.4 Menyediakan maklumat dan data jajaran utiliti bawah tanah.

3.0 Definisi

3.1 Dalam Garis Panduan ini, definisi kandungan ayatnya menghendaki makna yang tertera dibawah :-

3.1.1 **“Permit Izinlalu”** bermaksud permit atau surat kuasa kebenaran melalui jajaran ruangan rizab jalan yang diwartakan.

3.1.2 **“Jajaran Ruangan Utiliti”** bermaksud ruang untuk laluan kemudahan utiliti seperti kabel elektrik, telekomunikasi, paip air, paip gas, laluan perparitan, saliran pembentungan, penempatan bagi talian lampu awam, pondok-pondok telefon dan sebagainya di rizab jalan.

3.1.3 **“Kerja-Kerja Penggalian Terancang”** bermaksud kerja-kerja yang telah dirancang dan dijadualkan dalam pelaksanaan seperti pemasangan utiliti baru, penggantian, pengalihan atau menaiktaraf utiliti dalam pembinaan jalan baru dan pelebaran jalan.

3.1.4 **“Penggalian Luar Jangka”** bermaksud kerja-kerja baikpulih yang melibatkan kerja-kerja pemotongan dan pengorekan jalan yang perlu disegerakan atas kepentingan umum dan kecemasan seperti :-

- (i) Kebocoran paip
- (ii) Kerosakan atau kegagalan berfungsi kabel elektrik atau telekomunikasi
- (iii) Kerosakan jalan yang memerlukan penurapan segera

3.1.5 **“Pihak Berkuasa Jalan”** bermaksud pihak berkuasa ke atas jalan sama ada Jalan Persekutuan, Jalan Negeri, Bandaran, tempatan atau jalan luar bandar iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), pihak berkuasa tempatan dan Pejabat Daerah.

3.1.6 **“Agensi Utiliti”** bermaksud syarikat yang melaksanakan penyediaan utiliti seperti Kuching Water Board (KWB), Sarawak Energy Berhad (SEB/SESCO), Sacofa/Telekom Malaysia Berhad, Jabatan Perkhidmatan Pembentungan Sarawak (JPPS), Gas Malaysia (Petronas, Shell dan lain-lain syarikat yang dilantik kerajaan.

3.1.7 **“Penyelia Utiliti”** adalah mana-mana syarikat/perunding yang dilantik oleh agensi utiliti kerajaan bagi tujuan menyelaraskan dan menyelia aktiviti berkaitan pembangunan dan penyelenggaraan utiliti di Negeri Sarawak.

3.1.8 **“Pihak Perunding”** bermaksud Pihak Jurutera Bertauliah yang bertanggungjawab mengemukakan permohonan permit izinlalu bagi pihak agensi utiliti.

3.1.9 **“Pemohon”** adalah agensi utiliti yang memohon untuk membina dan memasang infrastruktur utiliti.


3.1.10 **“Pelan Infrastruktur Utiliti”** adalah pelan pembinaan infrastruktur bagi pembangunan atau penyelenggaraan termasuk dokumen sokongan seperti laporan imbasan dan lain-lain maklumat yang berkenaan.

BAHAGIAN II

PROSES PERMOHONAN PERMIT IZINLALU


4.0 Proses Permohonan 'Single Crossing'

4.1 Carta aliran dan pelan pelaksanaan proses kelulusan permit izinlalu bagi single crossing adalah **5 hari** seperti dibawah :-



5.0 Proses Permohonan 'Multiple Crossing'

5.1 Carta aliran dan pelan pelaksanaan proses kelulusan permit izinlalu bagi multiple crossing adalah **14 hari** di bawah :-



BAHAGIAN III

TIGA SENARAI GARIS PANDUAN PERMIT IZINLALU YANG DIGUNAPAKAI

6.0 Garis Panduan Untuk Kawasan Pembangunan Baru

- 6.1 Pembangunan untuk kawasan baru hendaklah menyediakan satu laluan rizab jalan yang bersepadu dengan pembinaan satu duktus (Common Ducting). *(Rujuk Rajah 6.1 m/s 9-11)*

6.1.1 Rekabentuk:-

- (a) Rizab jalan 21.2 meter ke bawah dipantau oleh pihak berkuasa tempatan dalam memberi permit izinlalu.
- (b) Untuk hirarki jalan rizab lebih daripada 21.2 meter akan dirujuk dengan JKR bagi kelulusan permit izinlalu.
- (c) Untuk Utiliti yang mempunyai (DURC) Dedicated Utilities Road Crossing (20 meter road cross-section), jarak diantara 250mm kawasan industri dan perniagaan 500mm di kawasan perumahan ditetapkan dan 300mm selang antara satu persatu persimpangan. *(Rujuk Rajah 6.1.1(c) m/s 12)*
- (d) Ruangan jajaran utiliti boleh berada di rizab jalan dan di jalan berturap bagi :-
 - (i) Rizab jalan di ruangan Jalan Protokol dan Jalan Utama iaitu 10 meter dan 20 meter rizab jalan.
 - (ii) Lorong tepi rizab jalan kurang dari 5 meter.
 - (iii) Rizab jalan yang diturap sepenuhnya dan mempunyai ruang tempat letak kereta.
- (e) Penempatan utiliti hendaklah berada di luar permukaan jalan berturap iaitu :-
 - (i) Cadangan laluan utiliti hendaklah diletakkan di dalam rizab koridor utiliti yang disediakan.
 - (iii) Cadangan laluan utiliti hendaklah diletakkan di bahu jalan yang tidak diturap sepenuhnya.
 - (iii) Koridor utiliti hendaklah berada di luar permukaan bercerun. Sekiranya bahu jalan yang terletak di kawasan yang bercerun, pengambilan balik tanah hendaklah dilaksanakan.

6.1.2 Jajaran laluan kemudahan Utiliti bagi jalan kawasan baru, mengikut kedalaman piawaian yang terbahagi kepada dua iaitu sebelah kanan dan sebelah kiri seperti yang berikut. (*Rujuk Rajah 6.1.2 m/s 13-17*).

(a) Paip air (water pipe) :-

- (i) Kedalaman paip air yang berukuran lebih daripada 50 mm diameter hendaklah ditanam minima 1200mm dari permukaan jalan. Jarak ketinggian paip air yang melintasi parit konkrit hendaklah ditanam minima 1000mm dari aras "invert" parit. Jarak daripada dinding parit adalah minima 600mm atau minima 1000mm daripada tepi jalan/pejalan kaki. Jika terdapat utiliti lain pada bahu jalan yang sama, jarak di antara bersebelahan adalah 350mm-1000mm.
- (ii) Kedalaman paip air yang berukuran 50 mm diameter dan kebawah (communication pipes or service pipes) hendaklah ditanam minima 450mm dari permukaan jalan. Jarak ketinggian paip air yang melintasi parit konkrit hendaklah ditanam minima 450mm dari aras "invert" parit.
- (iii) Kedalaman paip air di kawasan hijau (Grass Verge) minima adalah 1200mm. Jika terdapat utiliti lain pada bahu jalan yang sama, jarak di antara bersebelahan adalah 800mm-1000mm. Cara timbunan yang digunakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan

(b) Paip pembentungan (sewerage pipe) :-

- (i) Kedalaman paip pembentungan bagi saluran utama (Main Trunk) yang di pasang dalam kawasan jalan raya minima 1300mm dari permukaan jalan. Jarak daripada dinding parit adalah minima 450mm atau minima 1000mm daripada tepi jalan/pejalan kaki. Jika terdapat utiliti lain pada bahu jalan yang sama, jarak di antara bersebelahan adalah 300mm-450mm.
- (ii) Kedalaman paip pembentungan biasa (seperti di belakang rumah kedai) adalah minima 450mm dari permukaan jalan. Jarak daripada dinding parit adalah minima 450mm. Untuk Paip pembentungan di kawasan hijau (Grass Verge) minima adalah 1300mm. Jika terdapat utiliti lain pada bahu jalan yang sama, jarak di antara bersebelahan adalah 300mm-450mm.

(c) Kabel elektrik (electricity cable) :-

- (i) Kedalaman kabel elektrik dari permukaan jalan adalah minima 1500mm. Jarak ketinggian paip kabel yang melintasi parit konkrit hendaklah ditanam minima 1000mm dari aras "invert" parit. Jarak daripada dinding parit adalah minima 800mm atau minima 1000mm daripada tepi jalan/pejalan kaki dengan keadaan keluasan tapak kecuali lampu jalan yang minima 600mm. Jika terdapat utiliti lain pada bahu jalan yang sama, jarak di antara bersebelahan adalah 300mm-450mm.
- (ii) Kedalaman kabel perkhidmatan elektrik (Service Line) dari mini pillar ke dalam lot tanah hendaklah ditanam minima 450mm dari permukaan jalan. Jarak ketinggian kabel perkhidmatan elektrik yang melintasi parit konkrit hendaklah ditanam minima 450mm dari aras "invert" parit.
- (iii) Kedalaman kabel elektrik di kawasan hijau (Grass Verge) minima adalah 1500mm. Jika terdapat Utiliti lain pada bahu jalan yang sama, jarak di antara bersebelahan adalah 300mm-450mm. Cara timbusan yang digunakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

(d) Kabel telekomunikasi (telecommunication cable) :-

- (i) Kedalaman kabel telekomunikasi dari permukaan jalan adalah minima 1300mm. Jarak ketinggian paip kabel yang melintasi parit konkrit hendaklah ditanam minima 1000mm dari aras "invert" parit. Jarak daripada dinding parit adalah minima 500mm atau minima 1000mm daripada tepi jalan/pejalan kaki dengan keadaan keluasan tapak. Jika terdapat utiliti lain pada bahu jalan yang sama, jarak di antara bersebelahan adalah 300mm-450mm.
- (ii) Kedalaman kabel telekomunikasi di kawasan hijau (Grass Verge) minima adalah 1300mm. Jika terdapat utiliti lain pada bahu jalan yang sama, jarak di antara bersebelahan adalah 300mm-450mm. Cara timbusan yang digunakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.


(e) Paip gas (gas pipe) :-

- (i) Kedalaman paip gas dari permukaan jalan adalah minima 1300mm. Jarak ketinggian paip kabel yang melintasi parit konkrit hendaklah ditanam minima 1000mm dari aras "invert" parit. Jarak daripada dinding parit adalah minima 600mm atau minima 1000mm daripada tepi jalan/pejalan kaki. Jika terdapat utiliti lain pada bahu jalan yang sama, jarak di antara bersebelahan adalah 300mm-450mm.
- (ii) Kedalaman paip gas yang berukuran 50 mm diameter dan kebawah (communication pipes or service pipes) hendaklah ditanam minima 450mm dari permukaan jalan. Jarak ketinggian paip air yang melintasi parit konkrit hendaklah ditanam minima 450mm dari aras "invert" parit.
- (ii) Kedalaman paip gas di kawasan hijau (Grass Verge) minima adalah 1300mm. Jika terdapat utiliti lain pada bahu jalan yang sama, jarak di antara bersebelahan adalah 300mm-450mm. Cara timbusan yang digunakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

6.1.2.1 DBKU berhak untuk mengeluarkan surat amaran kepada Agensi Utiliti jika kerja-kerja yang dilaksanakan di tapak tidak mematuhi perkara 6.1.2. Semua kos untuk mengalih semula aliran utiliti di bawah tanah akan d tanggung oleh Agensi Utiliti yang berkenaan.

6.1.2.2 Agensi Utiliti akan didenda mengikut perkara 14.1 jika permukaan jalan rosak berulang disebabkan kerja-kerja pemasangan utiliti bawah tanah tidak mematuhi perkara 6.1.2.

Gambarajah Pembangunan Untuk Kawasan Baru Yang Menyediakan Satu Laluan Rizab Jalan Untuk Kemudahan Utiliti




Rajah 6.1


Gambarajah Pembangunan Untuk Kawasan Baru Yang Menyediakan Satu Rizab Jalan Untuk Kemudahan Utiliti

Gambarajah jarak piawaian kemudahan utiliti untuk **Detail 'A'**

MAJOR ROAD





FRONT SERVICE



Rajah 6.1

Gambarajah Pembangunan Untuk Kawasan Baru Yang Menyediakan Satu Laluan Rizab Jalan Untuk Kemudahan Utiliti


Gambarajah jarak piawaian kemudahan utiliti untuk **Detail 'B'** dan **Detail 'C'**



Rajah 6.1


Gambarajah *Dedicated Utilities Road Crossing (DURC)*

COMMON TRENCHING JOINT-BOX DETAIL




Rajah 6.1.1 (c)

(a) Paip air dikawasan baru / kawasan sediada




(b) Paip air dikawasan hijau (grass verge)




Rajah 6.1.2

(c) Kabel elektrik dikawasan baru / kawasan sediada




(c) Kabel elektrik dikawasan hijau (*grass verge*)




Rajah 6.1.2

(d) Kabel telekomunikasi dikawasan baru / kawasan sediaada




(d) Kabel telekomunikasi dikawasan hijau (*grass verge*)




Rajah 6.1.2

(e) Paip gas dikawasan baru / kawasan sediada



(e) Paip gas dikawasan hijau (*grass verge*)



Rajah 6.1.2

- 6.1.3 Sebelum kerja pemasangan utiliti di tapak dilakukan pihak utiliti hendaklah mengisi borang yang ditetapkan di dalam garis panduan ini.
- 6.1.4 Bagi kawasan cadangan pembangunan baru dan pembangunan semula yang melibatkan pemasangan utiliti bawah tanah, setiap kedudukan kabel hendaklah tepat seperti pelan yang dikemukakan kepada DBKU dan sebarang perubahan hendaklah disusuli dengan "*As Built Drawing*" selepas 14 hari dari tarikh kerja tapak siap.
- 6.1.5 Kegagalan menghantar "*As Built Drawing*", DBKU akan menggunakan caj kerja-kerja ukur untuk ground cable daripada syarikat survey yang bertaualiah untuk semakan data semula bagi mendapatkan maklumat tapak. Caj akan dikenakan 20% tambahan dari caj survey sebenar.
- 6.1.6 Lanskap hendaklah dikordinasikan supaya tidak berada diatas laluan ruangan jajaran utiliti cadangan.
- 6.1.7 Mekanisme permohonan :-
- (a) Pihak berkuasa tempatan hendaklah mengenakan syarat penyediaan rizab ruangan jajaran utiliti di peringkat kelulusan State Planning Authority (Majlis Perancangan Negeri).
 - (b) Kelulusan pelan kejuruteraan hendaklah disertakan bersama pelan infrastruktur utiliti yang telah disokong oleh pihak agensi utiliti.
 - (c) Pihak berkuasa tempatan hendaklah memastikan pelan infrastruktur utiliti yang dilulus menunjukkan perkara seperti berikut :-
 - (i) Susunan dan laluan infrastruktur utiliti sediaada dan cadangan pemasangan baru.
 - (ii) Cadangan laluan *DURC (Dedicated Utilities Road Crossing)*.
 - (iii) Tapping point bagi cadangan utiliti.
 - (iv) Perincian keratan rentas cadangan utiliti.
 - (v) Kedudukan rizab jajaran utiliti dan rizab bahu jalan.


6.1.8 Mekanisme pemantauan :-

- (a) Perunding/pemaju hendaklah membuktikan perkara-perkara seperti berikut semasa pemeriksaan dijalankan untuk kelulusan iaitu :-
 - (i) Kerja-kerja yang telah disempurnakan adalah mengikut seperti pelan-pelan kelulusan dan pelan kelulusan permit izinlalu jalan utiliti.
 - (ii) Kerja-kerja yang telah disempurnakan adalah mengikut seperti pelan-pelan kelulusan dan spesifikasi dari jabatan-jabatan dan agensi-agensi teknikal yang berkaitan.
 - (iii) Kerja-kerja seperti syarat garis panduan mestilah diisi dan disahkan oleh agensi utiliti sebelum kerja dimulakan.

6.2 Penggerudian berarah/Horizontal Direct Drilling (HDD)

- 6.2.1 DBKU telah mengunapakai sistem tanpa korekan (*Trenchless System*) di dalam kawasan pentadbiran DBKU.
(*Rujuk Rajah 6.2.1 m/s 20*)
- 6.2.2 Semua kos yang terlibat bagi kerja sistem tanpa korekan ini akan dibiayai oleh agensi utiliti yang memohon.
- 6.2.3 Kawasan yang tidak boleh dikorek adalah semua Jalan Protokol, semua Jalan Utama (Main Road) termasuk semua jalan yang diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Semua Jalan Berkembar (Dual Carriageways), semua persimpangan Jalan Utama termasuk bulatan dan jalan-jalan di kawasan Pusat Bandar yang telah dinaiktaraf serta baru diturap.

Gambarajah Penggerudian Berarah (*Horizontal Direct Drilling – HDD*)



Rajah 6.2.1

6.2.4 Klasifikasi jalan-jalan dimaksudkan di dalam klausa 6.2.3 adalah seperti berikut :-

(a) Jalan-Jalan Protokol :-

1. Jalan Kulas
2. Jalan Satok
3. Jalan Tun Abdul Rahman Yaakub
4. Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce

(b) Jalan yang diselenggara oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) :

1. Jalan Bako
2. Jalan Matang Baru
3. Jalan Sultan Tengah
4. Jalan Tun Abdul Rahman Yaakub
5. Jalan Tun Mohammad Sallahudin (dari bulatan di Jalan Gersik/Jalan Demak ke Toll Plaza/Sg. Sarawak)

(c) Jalan-jalan berkembar (Dual Carriageways) lain yang tidak termasuk dalam senarai klausa 6.2.1 dan 6.2.2 adalah seperti berikut :-


1. Jalan Tabuan
2. Jalan Stadium
3. Jalan Diplomatik
4. Jalan Tan Sri Ong Kee Hui
5. Jalan Taman Budaya
6. Jalan Tun Abang Haji Openg
7. Jalan Tunku Abdul Rahman
8. Jalan Mcdougall
9. Jalan Wawasan 2020
10. Jalan Badruddin
11. Jalan Batu Lintang
12. Jalan Green
13. Jalan Haji Taha
14. Jalan Padungan (dari Harbour View Hotel ke bangunan Taman Kereta)
15. Jalan Semariang
16. Jalan berkembar di Bandar Semariang Baru
17. Jalan berkembar di Demak Laut Industrial Park
18. Jalan berkembar di kawasan Bangunan Baitul Makmur, Petra Jaya
19. Jalan Matang Link (dari Jalan Tun Abdul Rahman Yaakub ke Jalan Matang)
20. Jalan Matang (dari Kubah Ria ke Pusat Penjaja Semarak) semua persimpangan termasuk bulatan
21. Jalan Tun Mohammad Sallahudin (dari bulatan berdekatan Wisma SESCO ke bulatan di Jalan Gersik)

(d) Jalan-Jalan Utama :-

1. Jalan Bampfylde
2. Jalan Crookshank
3. Park Lane
4. Jalan Borneo
5. Jalan P. Ramlee
6. Jalan Rubber
7. Jalan Rubber Barat
8. Jalan Nanas
9. Jalan Nanas Barat
10. Jalan Pisang
11. Jalan Pisang Barat
12. Jalan Sg. Maong Tengah
13. Jalan Stapok Baru (dari persimpangan Jalan Green ke jambatan Stapok)
14. Jalan Astana
15. Jalan Depo
16. Jalan Matang Lama
17. Jalan Demak
18. Jalan Rodway
19. Jalan Ajibah Abol
20. Jalan Patingan
21. Jalan Muhibbah
22. Jalan Muda Hashim
23. Jalan Haji Mataim
24. Jalan Kapor
25. Jalan Kepayang
26. Jalan Sky Garden
27. Jalan Emerald
28. Jalan Cloud Estate
29. Jalan Hospital
30. Jalan Kampung Sejingat
31. Jalan Kampung Senari
32. Jalan Kampung Gobeilt
33. Jalan Kampung Buntal
34. Jalan Muara Tebas
35. Jalan Kampung Santubong
36. Jalan Kampung Buntal
37. Jalan Kampung Pasir Pandak
38. Jalan-Jalan di kawasan Perpustakaan Negeri, Masjid Jamek dan Kuching Golf Club
39. Jalan-Jalan di kawasan Dewan Undangan Negeri
40. Jalan Merdeka
41. Jalan Datuk Temenggong Tan Meng Chong
42. Jalan Matang Jaya-Jalan Depo Link
43. Jalan Siol Kanan Link
44. Jalan Semariang Batu
45. Jalan Kampung Selabat
46. Jalan Kampung Gersik
47. Jalan Maxwell


- 6.3 Tanda aras (Marker Post) dan penanda aras baru untuk perkhidmatan utiliti.
- 6.3.1 Tanda aras (Bench Marks) dan tanda pemasangan perkhidmatan utiliti (Utility Service Marker Posts) yang sediada di tapak tidak boleh diganggu atau dipindah.
 - 6.3.2 Semua tanda pemasangan perkhidmatan yang baru hendaklah dipasang tidak melebihi 200mm dari aras permukaan tanah. *(Rujuk Rajah 6.3.2 m/s 24)*
 - 6.3.3 Pemasangan baru jajaran utiliti bawah tanah adalah perlu meletakkan penanda aras pada permukaan atas tanah bagi setiap utiliti supaya mudah dikenalpasti kedudukan arah dan hala jajaran utiliti tersebut.
 - 6.3.4 Bagi penanda aras pemasangan penggerudian bawah tanah (HDD) hendaklah meletakkan penanda aras yang lengkap dengan arah petunjuk, nama dan logo utiliti bagi kabel bawah tanah supaya mudah dikesan bagi utiliti lain yang memohon.
 - 6.3.5 Untuk penanda aras bagi kabel telekomunikasi yang sediada menggunakan manhole hendaklah lengkap meletakkan arah petunjuk, logo dan nama agensi utiliti supaya mudah dikesan bagi utiliti lain yang memohon. *(Rujuk Rajah 6.3.5 m/s 25)*
 - 6.3.6 Agensi utiliti masih boleh menggunakan utiliti yang sediada dengan menambah baik dengan meletakkan tanda arah pada permukaan atas dan logo utiliti atau nama utiliti di kedua-dua belah permukaan hadapan dan belakang penanda aras. *(Rujuk Rajah 6.3.6 m/s 26)*
 - 6.3.7 Semua penanda aras hendaklah di selenggara oleh agensi utiliti.

**Gambarajah Pemasangan Tanda Aras 'Marker Post' Umum
Dalam Penambahbaikan Yang Baru Untuk Semua Utiliti**



Rajah 6.3.2

Gambarajah Pemasangan Tanda Aras 'Manhole' Untuk Kabel Telekomunikasi Sediada



Rajah 6.3.5

Gambar Manhole Dan Markerpost Sediada



Rajah 6.3.6

6.4 Perkara-perkara lain yang berkaitan

- 6.4.1 Agensi utiliti adalah bertanggungjawab untuk mengalih atau membaikpulih semula tiang, manhole, paip, valve dan sebagainya yang terlibat dalam kerja-kerja menaiktaraf jalan dan perparitan pada masa yang akan datang. Semua kos hendaklah ditanggung oleh agensi utiliti berkenaan.
- 6.4.2 Bagi tiang, manhole, paip, valve dan sebagainya yang sedia ada sebelum *Pindaan 1/2009* dikuatkuasakan, Agensi utiliti juga bertanggungjawab untuk mengalihkannya pada masa kerja-kerja menaiktaraf jalan dan perparitan yang akan datang. Semua kos hendaklah ditanggung oleh agensi utiliti berkenaan.
- 6.4.3 Perubahan kecil ke atas pelan izinlalu yang telah diluluskan oleh DBKU tidak akan dikenakan yuran. Walau bagaimanapun pelan pindaan baru (As Built Drawing) mestilah dikemukakan kepada DBKU untuk tujuan mengemaskini rekod.
- 6.4.4 Permohonan izinlalu yang lengkap dan tiada masalah akan diluluskan dalam jangkamasa seperti berikut :-
- (a) Single crossing :-
5 hari (Hari bekerja dari tarikh permohonan diterima).
(Rujuk carta aliran Single Crossing - Lampiran 1)
 - (b) Multiple crossing :-
14 hari (Hari bekerja dari tarikh permohonan diterima).
(Rujuk carta aliran Multiple Crossing - Lampiran 2)
- 6.4.5 Satu (1) set pelan yang telah diluluskan akan dikembalikan kepada agensi utiliti berkenaan.
- 6.4.6 Sekiranya kerja pemasangan tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh Dua Belas (12) Bulan bermula dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan, maka permohonan untuk memperbaharui (Renewal) perlu dikemukakan kepada DBKU dengan menggunakan borang permohonan untuk memperbaharui pelan izinlalu yang telah diluluskan Borang DBKU/IMT/WY2 (Application of Amendment/Renewal (Extension) to Approved Wayleave Plan), dalam masa Tiga Puluh (30) Hari dari tarikh luput kelulusan yang telah dikeluarkan terdahulu. Yuran pemprosesan untuk memperbaharui sebanyak RM200.00 dan tempoh sah akan dilanjutkan selama Dua Belas (12) Bulan tertakluk kepada keadaan tapak semasa dan tiada perubahan di dalam pelan yang diluluskan sebelum ini. Sekiranya ada perubahan atau ubah suai dari pelan asal, agensi utiliti perlu mengemukakan permohonan baru.
(Rujuk Borang DBKU/IMT/WY2 - Lampiran 5)

7.0 GARIS PANDUAN UNTUK KAWASAN PEMBANGUNAN SEDIADA

7.1 Penyelenggaraan/pembinaan utiliti di kawasan pembangunan sediada (Brownfield) yang melibatkan penggalian permukaan jalan berturap.

7.1.1 Syarat-syarat am permohonan penggalian jalan secara terancang sebelum kerja dijalankan :-

- (a) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa jalan melalui penyelia agensi utiliti.
- (b) Deposit jaminan :-
 - (i) Deposit Jaminan dalam bentuk tunai perlu dibayar kepada DBKU sebelum kerja dijalankan oleh agensi utiliti. Kadar dan amaun deposit jaminan adalah minima RM 50,000.00 sekali setahun.
- (c) Permohonan hendaklah menggunakan borang dan senarai semak agensi utiliti yang telah diselaraskan di peringkat DBKU. (*Rujuk borang DBKU/IMT/WY1 - Lampiran 4*)
- (d) Agensi Utiliti hendaklah menentukan jajaran utiliti cadangan melalui tinjauan awal sebelum permohonan dikemukakan kepada DBKU.
- (e) Pelan infrastruktur utiliti hendaklah diserahkan kepada DBKU yang mengandungi perkara seperti berikut :- (*Rujuk Format Blok Tajuk Pelan - Lampiran 8*)
 - (i) Pelan lokaliti.
 - (ii) Pelan tapak (Site Layout Plan).
 - (iii) Laluan utiliti sediada.
 - (iv) Spesifikasi dan laluan utiliti cadangan.
 - (v) Gambar keadaan tapak dan peta berkaitan.
 - (vi) Pengesahan setiap pihak yang berkenaan (Perunding).

- (f) Agensi utiliti hendaklah menyusun dan menyediakan dokumen permohonan sebelum dikemukakan kepada pihak berkuasa jalan :-
 - (i) Surat permohonan.
 - (ii) Borang permohonan.
 - (iii) Pelan infrastruktur utiliti.
 - (iv) Salinan insuran (jika ada).
 - (v) Jadual kerja dan lain-lain seperti ditetapkan.
- (g) Kelulusan permit akan diberikan oleh DBKU atas agensi utiliti dan dimaklumkan kepada penyelia utiliti untuk memulakan kerja secara bertulis.
- (h) Pemohon hendaklah memberi notis bertulis kepada DBKU sekurang-kurangnya 7 hari terlebih awal sebelum kerja-kerja dimulakan.
- (i) Tempoh menjalankan kerja-kerja penanaman kabel/paip setelah diluluskan adalah 12 bulan dan sekiranya tamat tempoh dan tiada kerja-kerja dijalankan permohonan dianggap terbatal.
- (j) Tempoh lanjutan masa hendaklah dipohon 2 minggu sebelum tamat tempoh 12 Bulan kelulusan, sekiranya tiada kerja-kerja boleh dijalankan atau mengemukakan permohonan baru.

7.1.2 Semasa kerja dijalankan :-

- (a) Waktu menjalankan kerja.
 - (i) DBKU hendaklah dimaklumkan tarikh dan masa kerja menggali dan jangka masa siap.
 - (ii) Penjadualan kerja di jalan-jalan dan persimpangan yang penting dan sibuk hendaklah pada waktu diluar waktu puncak "Off Peak Period" atau lewat malam atau cuti (Hari Pelepasan/Am).
- (b) Melainkan sudah dilulus, kerja pemasangan utiliti yang merentasi jalan berturap hendaklah dilakukan melalui kaedah penggerudian berarah (HDD).
- (c) Pihak utiliti yang menggunakan kaedah penggerudian berarah (HDD) hendaklah menggunakan data survey sebenar tapak setelah selesai "Point To Point" yang ditetapkan.

- (d) "As Built Drawing" perlu dihantar kepada DBKU bagi tujuan pengumpulan (Data Record) untuk setiap kerja pemasangan kabel bawah tanah.
- (e) Papan tanda keselamatan serta lampu keselamatan sebagaimana rujukan Arahan Teknik JKR 2C/85 hendaklah dipatuhi.
- (f) Kerja-kerja yang dijalankan hendaklah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan.
- (g) Agensi utiliti dan kontraktor agensi utiliti hendaklah memastikan tapak pembinaan dalam keadaan bersih dan kemas sepanjang masa.
- (h) Kebenaran daripada pemilik tanah persendirian hendaklah diperolehi sekiranya kerja-kerja yang dijalankan menjangkau ke tanah persendirian.
- (i) Bahan-bahan binaan, papan tanda, kabel, paip, mesin, jentera berat yang digunakan bagi kerja-kerja penggalian hendaklah di simpan di dalam setor yang disediakan bagi mengelak laluan kepada lalulintas.

7.1.3 Selepas kerja dijalankan :-

- (a) Laporan siap kerja hendaklah disediakan oleh penyelia utiliti berdasarkan laporan daripada kontraktor yang dihantar serta survey data dari perunding yang dilantik.
- (b) Kandungan laporan mengandungi perkara berikut :-
 - (i) Gambar sebelum dan selepas siap.
 - (ii) Pelan (As-Built Drawing) iaitu pelan infrastruktur utiliti beserta laporan imbasan.
 - (ii) Ulasan dari pihak berkuasa lain sekiranya ada.
- (c) Laporan siap kerja hendaklah disahkan melalui satu lawatan tapak bersama terdiri daripada kontraktor, agensi utiliti dan DBKU.
- (d) DBKU tidak bertanggungjawab ke atas kerosakan, kerugian atau mana-mana tuntutan daripada pihak ketiga akibat kerosakan atau kecederaan individu.
- (e) Sekiranya pembinaan tidak mematuhi syarat dan spesifikasi, kontraktor bertanggungjawab membaiki kerosakan dengan kos dan tanggungan sendiri dalam tempoh 7 Hari dari notis yang dikeluarkan oleh DBKU kepada agensi utiliti.

- (f) Sekiranya berlaku kegagalan membaikpulih kerosakan selepas tempoh masa yang ditetapkan kecuali kerja-kerja lapisanmuka (premix), pihak utiliti adalah bertanggungjawab untuk membaiki kerosakan dan mengenakan bayaran kepada kontraktor ataupun agensi utiliti menerusi pemotongan wang amanah (Penggalian Terancang) atau akaun deposit (Penggalian Luar Jangka).
- (g) Deposit jalan akan dipulangkan selepas 6-12 bulan dari tarikh tempoh tanggungan kerosakan dan ini mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.
- (h) Sijil sempurna siap kerja akan dikeluarkan oleh DBKU setelah semua kerja dilakukan dan kerja pembaikan telah dijalankan mengikut syarat dan garis panduan yang ditetapkan.

7.1.4 Syarat-syarat teknikal :-

- (a) Kerja pengorekan terbuka di atas jalan berturap hendaklah dimulakan secara "Clean-Cut with Diamond Cutter", penggunaan jentera pengorek secara terus tidak dibenarkan.
- (b) Panjang parit yang boleh digali pada satu-satu masa dan dibiarkan terbuka dalam satu-satu masa hendaklah dihadkan sehingga 50 meter bagi paip air pembentungan kecuali kabel telekomunikasi dan kabel elektrik dimana 250 meter adalah dibenarkan.
- (c) Turapan jalan disisi parit hendaklah dipotong dalam garisan yang lurus dengan menggunakan pemotong berlian pada kedalaman sekurang-kurangnya 300mm.
- (d) Tiada bahan-bahan penggalian boleh digunakan untuk tujuan menimbus semula dan perlu dialihkan dari tapak.
- (e) Setiap korekan parit hendaklah terlebih dahulu disediakan dinding penahan sementara atau penutup untuk melindungi daripada runtuh dan terturun atau retakan pada turapan yang bersambung dengan harta awam.
- (f) Paip, kabel dan sebagainya yang berada di bawah tanah hendaklah diletakkan pada ukuran yang telah ditetapkan dari permukaan jalan dan bahu jalan.

- (g) Sebelum penggalian parit dilakukan untuk kerja pemasangan, pemohon hendaklah menggali lubang (Pilot Pit) di lokasi yang diluluskan oleh pihak berkuasa jalan untuk memastikan lokasi sebenar utiliti sediaada.
- (h) Dalam pelaksanaan kerja-kerja, jalan tidak boleh ditutup sepenuhnya kepada lalulintas.
- (i) Lencongan sementara yang tidak dapat dielak boleh diselenggarakan terlebih dahulu untuk mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa jalan.
- (j) Penggalian permukaan jalan sediaada hendaklah menggunakan kaedah penggerudian berarah (Horizontal Directional Drilling), pipe jacking atau tunneling dan penggalian terbuka adalah tidak dibenarkan.
- (k) Kerja penggalian secara terbuka hanya boleh dipertimbangkan sekiranya jalan tersebut di dalam kategori berikut :-
 - (i) Jalan sediaada yang tidak berturap.
 - (ii) Jalan sediaada bagi kawasan perindustrian dan perumahan yang berukuran kurang daripada 50 kaki (15.24 meter) lebar rizab jalan.
 - (iii) Jalan sediaada yang memerlukan penurapan semula di atas arahan JKR atau DBKU.
 - (iv) Cadangan projek adalah melibatkan kerja-kerja menaiktaraf jalan yang memerlukan kerja-kerja pengalihan utiliti sediaada dijalankan terlebih dahulu.
- (l) Timbusan jalan yang dikorek (Backfill) :-
 - (i) Timbusan semula (Backfill) hendaklah menggunakan bahan kasar yang diiktiraf/diluluskan mutunya.
 - (ii) Bahan hasil sisa penggalian parit tidak boleh digunakan semula.
 - (iii) Bahan menimbus balik hendaklah mempunyai lapisan yang padat tidak melebihi 250mm dengan menggunakan mesin yang besesuaian.
 - (iv) Darjah kepadatan setiap lapis dibawah laluan pejalan kaki hendaklah tidak kurang daripada 95% daripada kepadatan kering yang diperolehi dengan menggunakan 'Heavy Compaction Test'.

- (v) Pihak berkuasa jalan mempunyai kuasa untuk mengarahkan pengalihan semula bahan-bahan timbusan sekiranya ujian yang dilakukan berada dibawah tahap yang ditetapkan.
 - (vi) Segala kos pengalihan semula bahan-bahan timbusan adalah ditanggung oleh pemohon.
 - (vii) Melainkan turapan jalan telah dilakukan dengan kadar segera selepas menimbus balik, parit hendaklah ditutup secara sementara dengan menggunakan besi logam dengan ketebalan yang sesuai serta keselamatan yang ketat untuk memudahkan pembukaan jalan secara sementara. Setiap besi logam hendaklah dikekalkan sehingga penimbusan semula secara kekal dilakukan.
- (m) Penurapan semula jalan sama seperti struktur turapan sediaada dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan :-
- (i) Tempoh penurapan semula :-
 - Siap dalam tempoh 3 hari selepas menimbus balik parit.
 - 24 jam bagi penggalian parit merentasi jalan sediaada.
 - Secepat mungkin untuk Pilot Pit.
 - (ii) Penurapan semula hendaklah sama rata dengan permukaan penurapan Sediaada dengan kelebaran sekurang-kurangnya 1 meter tertakluk kepada kerja-kerja yang dijalankan.
- (n) Pemohon adalah berkewajipan untuk membaiki kerosakan pada kerja yang dilakukan dengan segala kos ditanggung sendiri dalam tempoh 14 hari dari tarikh selepas kerja siap sepenuhnya.
- (o) Kerja-kerja pembersihan dan pembaikan hendaklah dijalankan selesai sahaja kerja harian dilakukan.

7.1.5 Penyelia utiliti hendaklah memastikan kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja penggalian jalan atau rizab jalan mematuhi langkah-langkah keselamatan seperti berikut :-

- (a) Memasang papan tanda amaran/keselamatan lalulintas yang mencukupi mengikut piawaian yang ditetapkan oleh pihak berkuasa jalan.
- (b) Memasang lampu “Blinkers” di tempat-tempat strategik yang boleh dilihat pada waktu malam dan ketika cuaca buruk untuk keselamatan pengguna jalanraya.
- (c) Papan tanda dengan nama dan nombor telefon agensi pelaksanaan hendaklah dipamerkan di tapak bagi kemudahan orang awam membuat aduan.
- (d) Penyelia utiliti dan kontraktor adalah bertanggungjawab sepenuhnya diatas sebarang kemalangan atau tuntutan ganti rugi dari segi undang-undang yang disabitkan dari penggalian jalan atau rizab jalan.
- (e) Pada setiap masa dalam tempoh kerja-kerja dijalankan, pihak penyelia utiliti dan kontraktor hendaklah mempunyai perlindungan insuran bagi pampasan awam.

7.1.6 Syarat-syarat tambahan :-

- (a) Garis panduan penggalian dan pemasangan semula kemudahan awam dalam rizab jalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 22 Januari 1996 hendaklah juga untuk digunapakai.
- (b) Mana-mana syarat yang tiada didalam garis panduan ini adalah tertakluk kepada Arahan Teknik Jalan dan garis panduan sediaada pihak berkuasa tempatan.
- (c) Pihak berkuasa jalan berhak menarik kebenaran yang diberikan sekiranya pihak agensi utiliti atau penyelia utiliti tidak atau gagal mematuhi garis panduan atau syarat-syarat diatas.
- (d) Pihak berkuasa jalan juga berhak menambah lain-lain syarat, arahan dan penentuan teknikal yang perlu asalkan tidak bercanggah dengan peraturan garis panduan ini.

7.2 Kabel-kabel atas

7.2.1 Pemasangan kabel atas melalui tiang-tiang tidak lagi dibenarkan di sepanjang jalan-jalan yang dinyatakan di *Bahagian III klausa 6.2.4 (a), (b), (c) dan (d)*.

7.2.2 Jalan-jalan di kawasan komersil dan perumahan baru.
(Rujuk Rajah 7.2.1 m/s 37)

- (a) Pemasangan kabel tidak dibenarkan merentas di atas jalan. Tiang perkhidmatan hendaklah didirikan selari dengan jarak minima 1000mm dari tepian jalan.
- (b) Bagi projek pembangunan komersil dan perumahan baru, semua saluran paip air, elektrik, telekomunikasi dan paip pembuluh G.I. untuk kabel bawah tanah, hendaklah dipasang sebelum permukaan jalan di dalam skim projek tersebut diturapkan. Agensi utiliti yang berkaitan hendaklah berhubung dengan pemaju untuk kerja pemasangan saluran paip yang berkenaan. Permukaan jalan yang telah siap diturap tidak boleh dikorek lagi untuk pemasangan saluran paip komunikasi dan 'Service Duct'.

7.3.1 Jalan-jalan di kawasan kediaman sediaada :-

- (a) Pemasangan kabel atas hanya boleh dipasang selari dengan jalan di kawasan kediaman, laluan belakang dan di lorong-lorong kecil. Pemasangan kabel atas yang melintasi jalan dan lorong di kawasan projek perumahan sediaada tidak dibenarkan lagi.

7.3.2 Kawasan taman rekreasi dan kawasan lapang :-

- (a) Pemasangan paip atau kabel melintasi padang, taman, kawasan lapang (Open Space) dan sebagainya adalah tidak dibenarkan.

7.3.3 Kabel atas sediaada yang melintasi jalan utama dan jalan-jalan di kawasan komersil dan perumahan :-

- (a) Pemasangan kabel atas yang baru (*New Overhead Lines*) di tiang sediaada yang melintasi persimpangan jalan mestilah dipasang melalui bawah tanah.
- (b) Kabel atas yang merentasi jalan dan telah kendur dengan ketinggian kurang daripada 6 meter hendaklah di pasang semula dengan cara melalui bawah tanah.

- 7.3 Pemasangan tanda jalur penandaan kuning dan hitam pada tiang elektrik dan telekomunikasi. (*Rujuk Rajah 7.3 m/s 38*)
- 7.3.1 Pemasangan jalur penandaan kuning hitam pada tiang dan stay wire yang telah ditetapkan hendaklah ditambahbaik oleh agensi utiliti dan perunding bagi keselamatan kepada orang awam.
 - 7.3.2 Pemasangan jalur penandaan pada tiang ditetapkan pada ketinggian 600mm dan 500mm jarak daripada stay wire.
 - 7.3.3 Pemasangan jalur penandaan pada stay wire minimum 600mm dari permukaan bawah.
 - 7.3.4 Minimum jalur penandaan adalah 500mm tinggi dan panjang mengikut keadaan saiz tiang dan stay wyre supaya lebih jelas pada setiap tempat yang diletakkan.

**Menetapkan pemasangan tiang jalan yang selari di tepian jalan dan lorong belakang
Penggantian kabel bawah tanah**



Kabel atas dikawasan kediaman dipasang selari dengan jalan laluan belakang dan di lorong-lorong kecil



Kabel atas dipasang selari dengan jalan dikawasan kediaman




Semua kabel atas sediaada yang akan diganti atau dibaikpulih mestilah dipasang didalam tanah


Rajah 7.2.1

Gambar Tiang dan Stay Wire

Stay Wire



Tiang



Rajah 7.3.3

8.0 GARIS PANDUAN PENGGALIAN KECEMASAN ATAU DI LUAR JANGKA

8.1 Permohonan penggalan kecemasan atau di luar jangka hendaklah melalui agensi utiliti.
(Rujuk carta alir pelaksanaan izinlalu (Kecemasan) dan senarai semak kerja (Kecemasan) tanpa permit - Lampiran 9)

8.2 Perunding/kontraktor utiliti melalui agensi utiliti hendaklah memaklumkan sekurang-kurangnya 24 jam sebelum kerja-kerja tersebut dimulakan secara telefon, bertulis, fax dan kiriman kepada DBKU.
(Rujuk borang dan senarai semak kerja (Kecemasan) - Lampiran 10)

8.3 Semua permohonan hendaklah berdaftar dengan agensi utiliti melalui kaedah yang ditetapkan sebelum kerja dijalankan.

8.4 Akaun Deposit.

8.4.1 Penyedia utiliti hendaklah membuka akaun deposit bagi pengorekan kecemasan sekali untuk setahun.

8.4.2 Amaun deposit dalam bentuk tunai yang ditetapkan adalah seperti berikut :-

	AGENSİ UTILİTİ	AMAUN (RM)
(i)	TELEKOM	50,000.00
(ii)	SACOFİ	50,000.00
(iii)	KWB	50,000.00
(iv)	SESCO	50,000.00
(vi)	JPPS/NREB	50,000.00

8.4.3 Pada setiap masa akaun deposit hendaklah mempunyai amaun tidak kurang daripada jumlah yang ditetapkan seperti diatas.

8.4.4 Wang deposit atau baki akan dikembalikan oleh DBKU jika pendeposit tidak lagi terlibat dengan penggalan jalan atau rizab jalan.

8.5 Pembaikan semula permukaan jalan yang terlibat perlu dijalankan dalam tempoh **24 jam** selepas pembaikan Utiliti.

8.6 Kontraktor dan penyedia utiliti perlu mematuhi spesifikasi kerja dan keselamatan seperti garis panduan penggalan terancang serta garis panduan pihak berkuasa jalan dan penyelia utiliti sepanjang tempoh masa kerja dijalankan.

8.7 Sebarang kerja-kerja di luar jangkaan yang tidak dimaklumkan dan dirujuk kepada Pihak Berkuasa Jalan atau Penyelia Utiliti terlebih dahulu ataupun tidak memenuhi syarat-syarat dan spesifikasi yang ditetapkan boleh diambil tindakan.

BAHAGIAN VI

KRITERIA DAN KAEDAH PERLAKSANAAN GARIS PANDUAN IZINLALU

9.0 PERATURAN DAN KETETAPAN PROSIDUR KERJA DALAM MEKANISME PEMANTAUAN PENGGALIAN/PEMBINAAN

- 9.1 Dalam pelaksanaan permit izinlalu ini, pihak agensi utiliti dan perunding hendaklah melengkapkan borang setuju terima pakai yang telah dikepilkan bersama surat kelulusan permit izinlalu dan hendaklah diisi dan dikembalikan kepada DBKU dalam tempoh 7 hari sebelum kerja tapak dilaksanakan supaya setiap apa-apa pelaksanaan dan perjanjian di dalam surat setuju terima pakai di tanggung oleh agensi utiliti dan perunding di dalam terma dan syarat yang telah ditetapkan.
(Rujuk borang STP/2015 - Lampiran 3)
- 9.2 Agensi utiliti dikendaki untuk memberi notis bertulis dengan melengkapkan borang DBKU/IMT/WY3 (Notice of Commencement of Works On Site) dan menghantar kepada DBKU sekurang-kurangnya 7 hari sebelum kerja tapak dimulakan untuk tujuan pemantauan.
(Rujuk borang DBKU/IMT/WY3 - Lampiran 6)
- 9.3 Agensi utiliti dikehendaki untuk memberi notis bertulis dengan melengkapkan borang DBKU/IMT/WY4 (Notice of Completion of Works On Site) dan menghantar kepada DBKU selepas kerja-kerja tapak siap sepenuhnya untuk tujuan pemeriksaan tapak (Site Inspection).
- 9.4 Sekiranya kerja-kerja tapak dijalankan tanpa menghantar borang DBKU/IMT/WY3 dan DBKU/IMT/WY4, DBKU berhak memberhentikan kerja dan menarik balik kelulusan izinlalu.
(Rujuk borang DBKU/IMT/WY4 - Lampiran 7)
- 9.5 Agensi utiliti dan kontraktor yang dilantik adalah bertanggungjawab untuk memastikan Akta 'Occupational Safety and Health Act 1994' dipatuhi.
- 9.6 Sekiranya pindaan pada pelan atau rekabentuk yang telah diluluskan perlu dilakukan disebabkan keadaan di tapak, pemohon hendaklah memaklumkan dan mengemukakan pelan pindaan kepada DBKU. Agensi Utiliti mesti mempertimbangkan dari segi aspek Integriti dan keselamatan rekabentuk tersebut terhadap pindaan yang akan dibuat.
- 9.7 DBKU tidak bertanggungjawab ke atas percanggahan yang timbul di antara pelan yang telah lulus dan kerja sebenar di tapak.
- 9.8 Untuk pelaksanaan projek yang mengambil masa lebih dari sembilan puluh (90) hari, agensi utiliti perlu mengemukakan program kerja yang lengkap meliputi tempoh masa kerja pembinaan, maklumat kontaktor dan skop kerja dilakukan.

- 9.9 Agensi utiliti adalah bertanggungjawab untuk mengalih dari tapak semua kemudahan yang telah disediakan dan tidak diguna lagi, secepat mungkin.
- 9.10 Agensi utiliti adalah bertanggungjawab untuk memastikan kestabilan struktur yang dibina atau dipasang di tapak sepanjang masa. Jika agensi utiliti gagal untuk menyelenggara dengan baik atau kerja-kerja pembaikpulih tidak memuaskan, notis akan dihantar kepada agensi utiliti berkaitan. DBKU akan mengambilalih kerja-kerja pembaikpulih jika tindakan tidak dilakukan oleh agensi utiliti selepas tempoh 14 hari dari tarikh notis dikeluarkan dan semua kos yang terlibat akan dibiayai oleh agensi utiliti yang berkaitan.
- 9.11 Agensi utiliti adalah dikehendaki menghubungi Unit Letak Kereta, Bahagian Penguatkuasa DBKU, Bangunan Al-Idrus Commercial Centre, Jalan Satok di talian Telefon No. 082-414488 sambungan 130-133 untuk proses menentukan pembayaran ruang letak kereta di bawah sistem letak kereta berkupon yang terlibat dengan kerja izinlalu yang dikendalikan oleh syarikat yang dilantik DBKU.
- 9.12 Agensi utiliti hendaklah membuat pembayaran terlebih dahulu untuk semua ruang letak kereta yang terjejas oleh kerja-kerja izinlalu sebelum kerja-kerja korekan di tapak bermula.
- 9.13 Kadar bayaran pada setiap hari bekerja untuk 1 petak adalah seperti berikut :-

HARI/TEMPOH MASA	KADAR BAYARAN
Isnin hingga Jumaat 8.00pagi – 5.00petang	RM 50.00

- 9.14 Pemantauan aktiviti pembinaan/penggalian akan dilaksanakan oleh agensi utiliti dengan menempatkan kakitangan di tapak pembinaan sepanjang tempoh pembinaan.
- 9.15 Agensi utiliti juga hendaklah memastikan kontraktor yang dilantik oleh perunding/kontraktor utiliti memiliki kelayakan dan kebolehan menjalankan kerja dengan memiliki lesen serta sijil yang berkaitan dan bersesuaian.
- 9.16 Agensi utiliti hendaklah memastikan kerja-kerja pembinaan dan pemasangan utiliti mematuhi syarat dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa jalan termasuk spesifikasi teknikal, jadual waktu kerja, aspek keselamatan, kawalan lalulintas, kebersihan tapak dan lain-lain.
- 9.17 Agensi utiliti hendaklah mempamerkan senarai kerja-kerja yang sedang dijalankan melalui kaedah yang sesuai bagi rujukan semua pihak.
- 9.18 Sekiranya kerja-kerja pembinaan gagal mematuhi syarat dan garis panduan yang ditetapkan oleh DBKU, Pihak berkuasa tempatan berhak untuk mengarah pemberhentian kerja seterusnya memaklumkan kepada penyelia utiliti, untuk tindakan susulan.
- 9.19 DBKU dan agensi utiliti adalah berhak untuk membuka lubang 'Manhole' agensi utiliti yang terlibat bagi menjalankan audit semasa menjalankan kerja-kerja imbasan.

10.0 KERJA KOREKAN

- 10.1 Korekan bagi lubang (Pilot Pit) hanya boleh dilakukan setelah mendapat kebenaran dari DBKU. Setiap lubang perintis yang dikorek hendaklah ditutup semula dengan menggunakan bahan yang diluluskan oleh DBKU. Tempoh keseluruhan untuk kerja pengendalian korekan dan baikpulih bagi lubang perintis tidak boleh melebihi 12 jam.
- 10.2 Kerja pengorekan di atas permukaan jalanraya hendaklah dipotong menggunakan 'Pavement Cutter' dengan kemas dan lurus sebelum kerja korekan dilaksanakan dengan mematuhi ketetapan syarat kerja pemotongan jalan akan mengakibatkan semua kerja pembaikpulih diambilalih DBKU dan semua kos akan ditanggung oleh agensi utiliti yang memohon.
- 10.3 Bahan-bahan korekan seperti campuran tanah dan batu adalah tidak boleh digunakan semula sebagai bahan kambusan. Bahan-bahan korekan hendaklah disimpan terus ke dalam lori dan dipindah dari tapak dengan serta merta. Kegagalan berbuat demikian boleh dikenakan tindakan undang-undang.
- 10.4 Jika kelulusan khas telah diberi untuk menutup separuh dari jalanraya sediaada, luas laluan bagi trafik lalulintas hendaklah tidak kurang dari 40 meter dan bahu jalan hendaklah dikukuhkan untuk menampung berat kenderaan dan semua kos akan ditanggung oleh agensi utiliti yang memohon.
- 10.5 Agensi utiliti adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua dinding pelindung hendaklah disendal dengan kayu belian atau bahan rata bagi mengelak permukaan jalan yang bersebelahan daripada retak dan runtuh.
- 10.6 Semua kemudahan saluran utiliti bawah tanah hendaklah ditanam mengikut kedalaman yang ditetapkan dari permukaan jalan (Road Surface Level) atau permukaan tanah (Ground Surface Level). Jarak korekan di sepanjang kawasan hijau tepi jalan hendaklah sekurang-kurangnya 600mm dari dinding parit dan 150mm dari bahu jalan/tapak pejalan kaki (Footpath).
- 10.7 Had panjang korekan terbuka ditepi jalan yang boleh dilakukan pada satu masa ke satu masa adalah seperti berikut :-

Utiliti Yang Berkenaan	Panjang Maksimum Bagi Korekan Pada Satu Masa
Kabel Telekomunikasi	250 meter
Kabel Elektrik	250 meter
Paip Air	100 meter
Paip Pembentungan	100 meter
Paip Gas	100 meter

- 10.8 Struktur sediaada seperti tembok penahan, laluan jalan kaki, jambatan, pembentungan dan aras binaan hendaklah dielakkan, walaupun bagaimanapun jika struktur tersebut tidak dapat dielakkan dan agensi berkenaan hendaklah memberitahu kepada DBKU.
- 10.9 Semasa pelaksanaan kerja, saliran sediaada termasuk longkang tanah dan pembentungan tidak boleh disekat.
- 10.10 Semua sisa-sisa yang jatuh ke dalam parit pembentung/pengairan mestilah dibersihkan dengan segera.
- 10.11 Agensi utiliti hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas struktur-struktur yang dibina atau dipasang di atas rizab jalan termasuk kerja-kerja penyelenggaraan untuk struktur-struktur tersebut pada hari kemudiannya bila-bila masa diperlukan.
- 10.12 Bahan-bahan binaan untuk keperluan kerja harian sahaja yang dibenarkan untuk dibawa ke tapak kerja.
- 10.13 Kerja-kerja korekan di sepanjang jalan utama, jalan sibuk dan persimpangan jalan tidak boleh dilakukan pada waktu puncak. DBKU akan menentukan kesesuaian waktu seperti petang Sabtu dan Ahad atau waktu malam tertakluk kepada kewajaran sesuatu kes di dalam surat kelulusan izinlalu. Semua syarat-syarat mestilah dipatuhi oleh agensi utiliti yang memohon.
- 10.14 Tapak jejak untuk kenderaan berat berantai yang digunakan untuk melaksanakan kerja di atas jalan hendaklah dilapik dengan papan yang tebal. Permukaan jalan yang dirosakkan oleh rantai kenderaan berat tersebut akan diturap semula dan semua kos yang terlibat akan dibiayai oleh agensi utiliti yang berkaitan.

11.0 SPESIFIKASI/KETETAPAN KERJA BAIKPULIH

11.1 Semua kerja pembaikpulih hendaklah dilakukan oleh agensi utiliti yang memohon dengan menggunakan bahan yang berbutir (Granular) dan pasir kuari. Tanah organic, serpihan pre-mix dan batu yang telah dikorek adalah tidak dibenarkan untuk digunapakai semula sebagai bahan timbusan. Bahan timbusan yang berbutir hendaklah dipadatkan dalam lapisan tidak melebihi 225mm bagi setiap satu padatan dengan menggunakan 'Plate Compactor' atau 'Roller' yang sesuai. Agensi utiliti yang memohon akan menanggung kos ujian tersebut dan membaikpulih kerja-kerja yang tidak menepati spesifikasi.

11.1.1 Ketebalan struktur jalan hendaklah seperti berikut :-

- (a) Batu DCR 38mm hendaklah 600mm tebal dari aras permukaan jalan sediaada (Road Surface Level).
- (b) Pasir kuari hendaklah digunakan untuk menimbus korekan yang selebihnya.

11.2 Tepian jalan yang dipotong hendaklah lurus dan kemas sebelum kerja pengambusan dijalankan supaya sepadan dengan jalan asal.

11.3 Paip pembuluh G.I (G.I Sleeve) hendaklah digunakan untuk saluran perkhidmatan yang melintas bawah tanah dan kaedah mengambus balik hendaklah sama seperti di klausa 11.1 dan ditutup sementara dengan plat besi setebal 12mm tebal yang dipasang di atas jalan yang melicinkan aliran trafik. Permukaan bitumen boleh dibenarkan untuk langkah sementara sahaja sebelum kerja menurap (Reinstatement) yang sebenar dijalankan oleh DBKU.



11.4 Bahan-bahan kambusan yang tidak menepati klausa 11.1 akan ditolak dan diganti dengan bahan yang diluluskan. Semua kos tambahan dibiayai oleh agensi utiliti yang memohon.

11.5 Bahan-bahan kambusan bagi kawasan hijau hendaklah menggunakan tanah asal dan tanah atas (Top Soil) dan ditanam semula dengan rumput tertutup (Closed Turfing). Semua serpihan batu dan kayu hendaklah dibuang dari tapak bagi mengelak kemungkinan kemalangan berlaku semasa pemotongan rumput dan sebagainya. Jika kerja-kerja kambusan tidak dilaksanakan dengan sempurna atau tidak memuaskan, DBKU akan mengambilalih untuk membuat semua kerja tersebut. Semua kos akan dibiayai oleh agensi utiliti yang memohon.

11.6 Paip pembuluh G.I. (G.I. Sleeve) yang merintang pamparitan hendaklah diletakkan seperti berikut. (*Rujuk rajah 11.6 m/s 46*)


- 11.6.1 Untuk kedalaman parit konkrit yang 1200mm atau lebih, diukur menyongsang (Drain Invert Level), paip pembuluh G.I. diletak hendaklah dipasang tidak kurang 1000mm dari 'Invert' parit.
- 11.6.2 Untuk kedalaman parit konkrit yang kurang dari 1000mm diukur menyongsang, paip pembuluh G.I. hendaklah diletakkan diletakkan bawah lantai parit.
- 11.6.3 Untuk parit tanah yang sediada, pemasangan paip pembuluh G.I. hendaklah 300mm dari permukaan tanah akan ditentukan berdasarkan keadaan sebenar di tapak.
(Rujuk rajah 11.6.3 m/s 47)

**Gambarajah Paip Pembuluh Yang Melebihi 1200mm Dan
Tidak Kurang Dari 1000mm**



Rajah 11.6

Gambarajah Pemasangan Paip Pembuluh




Rajah 11.6.3

- 11.7 Kerja membaikpulih susur jalan, kerb, garisan jalan, tandanama jalan dan penurapan jalan hanya boleh dilaksanakan oleh DBKU atau kontraktor yang dilantik olehnya. Hanya kerja-kerja membaikpulih yang dinyatakan di klausa 11.1 dan 11.4 boleh dilakukan oleh pemohon dengan menepati spesifikasi DBKU kecuali agensi utiliti yang diberi kelulusan khas semua kerja-kerja membaikpulih jalan secara menyeluruh termasuk 'Road Marking' menanam semula rumput di kawasan hijau yang terjejas, tanaman lanskap dan lain-lain struktur yang rosak hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis dikeluarkan.
- 11.8 Kerja-kerja baikpulih yang tidak dilaksanakan oleh pemohon dalam masa yang ditentukan akan diambilalih oleh DBKU atau kontraktor yang dilantik olehnya. Semua kos yang terlibat akan ditanggung oleh agensi utiliti berkaitan.

12.0 LENCONGAN DAN PENUTUPAN JALAN

- 12.1 Jika lencongan atau penutupan jalan diperlukan, agensi utiliti yang memohon hendaklah mengemukakan notis serta pelan tapak yang terperinci untuk menunjukkan bahagian jalan yang hendak dilencongan atau ditutupkan. Papan tanda arah, perintang (Barrier) dan jalan alternatif hendaklah dibuat bagi memastikan keselesaan, keselamatan dan kelicinan laluan trafik di tapak tersebut. Pelan terperinci tersebut hendaklah dikemukakan 2 minggu sebelum kerja dimulakan untuk dipersetujui oleh DBKU.
- 12.2 Semasa pelaksanaan kerja izinalalu. Agensi utiliti yang memohon hendaklah mempamerkan papan tanda bertulis 'AWAS' dan nama agensi utiliti yang melaksanakan kerja serta lain-lain papan tanda yang berkaitan dengan mencukupi. Sekurang-kurangnya 2 buah lampu isyarat 'Hazard Light' hendaklah diletakan di kedua-dua penghujung tapak kerja tersebut ketika waktu gelap. Semua kawalan trafik dan penggunaan papan tanda keselamatan hendaklah mematuhi Arahan Teknik (Jalan) 2C/85 JKR Manual On Traffic Control Device Temporary Signs And Work Zone Control. *(Rujuk rajah 12.2 m/s 49).*
- 12.3 Sekiranya gagal berbuat demikian, jika berlaku kejadian yang tidak diingini oleh agensi utiliti/pemohon adalah dipertanggungjawabkan ke atas sebarang tuntutan atau gantirugi pihak terbabit atas segala kejadian kemalangan yang berlaku.

Gambarajah Arahan Teknik (Jalan) 2C/85 JKR



Rajah 12.2

BAHAGIAN V

YURAN PEMPROSESAN DAN KADAR PEMBAYARAN BAIKPULIH

13.0 Yuran Pemprosesan

- 13.1 Yuran pemprosesan untuk setiap permohonan izinlalul adalah minima RM 200.00 dan tertakluk kepada kawasan rizab jalan yang terlibat.
- 13.2 Setiap permohonan izinlalul yang dikemukakan kepada DBKU hendaklah disertakan dengan yuran pemprosesan permohonan izinlalul sama ada menggunakan 'Service Order / Local Order' ataupun cek atas nama "Datuk Bandar Kuching Utara" atau "Dewan Bandaraya Kuching Utara". Wang tunai tidak akan diterima Dewan Bandaraya Kuching Utara. *(Rujuk Lampiran 11)*
- 13.3 Kaedah pengiraan yuran pemprosesan adalah seperti berikut:-

No.	Yuran Pemprosesan	Kadar bayaran yang dikenakan (RM)
1.	100m ke bawah untuk panjang kabel	200.00
2.	101m – 500m	250.00
3.	501m – 1.5km	300.00
4.	1.501km – 3km	400.00
5.	3.001km – 5km (maksimum)	500.00

- 13.4 Setiap bayaran yuran memproses permohonan izinlalul akan diterima sah dengan menggunakan borang tertentu:-

- 13.4.1 Untuk pembayaran yuran pemprosesan yang menggunakan 'Service Order / Purchase Order / Local Order', DBKU akan memproses untuk mengeluarkan bil pelbagai kepada agensi utiliti yang memohon untuk tujuan menjelaskan pembayaran melalui borang permohonan Bil Pelbagai DBKU/FIN1-88 (Pind.3/08). *(Rujuk Lampiran 12)*
- 13.5.1 Untuk pembayaran yuran pemprosesan yang menggunakan cek, DBKU akan mengeluarkan resit pembayaran yang akan dikepilkan bersama borang Bil Bayar Dulu Sebelum Perkhidmatan Diberi (BDSPD) DBKU/Fin7-01 (Pind.1/14). *(Rujuk Lampiran 13)*
- 13.6.1 Resit Pembayaran akan dikepilkan bersama surat kelulusan izinlalul kepada pemohon.

14.0 Kadar Pembayaran Untuk Kerja-Kerja Pembaikpulih

- 14.1 Untuk jalan raya yang telah diturap dalam tempoh 3 tahun, caj biasa yang dikenakan RM168.00 tambahan untuk kerja-kerja pengilingan (Milling).
- 14.2 Untuk kerja-kerja pengorekan di atas permukaan jalan tanpa permit sah daripada DBKU akan dikenakan 3 kali ganda caj yang ditetapkan.
- 14.3 Kadar bayaran termasuk kos **20%** untuk kerja pembaikpulih yang akan dibayar oleh agensi utiliti adalah seperti berikut:-

No.	Skop Kerja	Kos Dikenakan (RM)	GST (6%) (RM)	Jumlah Yang Dikenakan (RM)
1.	Premix road surface (75mm to 100mm thick) include pavement marking	168.00/m ²	10.08	178.08/m ²
2.	Stone base (300 to 450mm thick)	84.00/m ²	5.04	89.04/m ²
3.	Concrete footpath, slab and verge (75mm to 100mm thick)	84.00/m ²	5.04	89.04/m ²
4.	Imprint/stencil concrete footpath	120.00/m ²	7.20	127.20/m ²
5.	Interlocking paver block concrete footpath	60.00/m ²	3.60	63.60/m ²
6.	Grass verge (turfing works) include 150mm thick of topsoil	48.00/m ²	2.88	50.88/m ²
7.	Precast concrete high kerb and road edge restraint	96.00/mrun	5.76	101.76/mrun
8.	Precast low kerb	144.00/mrun	8.64	152.64/mrun
9.	Cast-in-site concrete kerb	72.00/mrun	4.32	76.32/mrun
10.	225mm diameter concrete pipe outlet channel	60.00/mrun	3.60	63.60/mrun
11.	Road surface milling work (50mm thick)	96.00/m ²	5.76	101.76/m ²
12.	Road surface milling work (100mm thick)	156.00/m ²	9.36	165.36/m ²

- 14.4 Kadar caj bayaran untuk pokok-pokok yang terjejas akibat kerja. Kerja pengorekan adalah seperti berikut.

TREES

TREE DIAMETER (DIAMETER MEASURED) (1M ABOVE GROUND LEVEL)	PRICE PER TREE /GROWTH RATE (RM)		
	FAST	MEDIUM	SLOW
1" – 2"	300	400	600
2.1" – 3"	350	450	650
3.1" – 4"	340	500	700
4.1" – 5"	450	550	800
5.1" – 6"	600	700	900
6.1" – 7"	800	900	1,200
7.1" – 8"	1,500	1,700	2,000
8.1" – 9"	2,000	2,200	2,500
9.1" – 10"	2,500	2,700	3,000
10.1" – 11"	3,200	3,700	4,200
11.1" – 12"	4,200	4,700	5,500
12.1" – 14"	5,200	5,700	6,500
14.1" – 16"	6,200	6,700	7,000
16.1" – 18"	7,000	7,500	8,000
18.1" – 20"	8,200	8,700	8,200
20" above	12,000	13,000	14,000

Kadar caj akan dikenakan tiga (3) kali ganda sekiranya pokok tumbang atau mati.

- 14.5 Kadar caj bayaran untuk pokok-pokok yang terjejas akibat kerja. Kerja pengorekan adalah seperti berikut.

PALM

TREE DIAMETER (DIAMETER MEASURED) (1M ABOVE GROUND LEVEL)	PRICE PER TREE /GROWTH RATE (RM)	
	FAST	SLOW
1" – 2"	500	700
2.1" – 3"	550	800
3.1" – 4"	600	900
4.1" – 5"	650	1,000
5.1" – 6"	700	1,100
6.1" – 7"	800	1,200
7.1" – 8"	900	1,300
8.1" – 9"	1,200	1,700
9.1" – 10"	1,400	1,900
10.1" – 11"	1,700	2,200
11.1" – 12"	1,900	2,300
12.1" – 14"	2,200	2,600
14.1" – 16"	2,500	2,900
16.1" – 18"	2,800	3,200
18.1" – 20"	3,400	3,600
20" above	4,000	4,500

Kadar caj akan dikenakan tiga (3) kali ganda sekiranya pokok tumbang atau mati.

P E N U T U P

Garis panduan ini dapat meningkatkan imej Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) sebagai organisasi yang prihatin kepada infrastruktur alam sekitar disamping program ini juga dapat meningkatkan tahap sistem penyelenggaraan ke semua kawasan di bidanguasa DBKU dengan teratur, selaras dan selamat.

SUMBER RUJUKAN

- (1) GARIS PANDUAN UNTUK MEMOHON DAN MELAKSANAKAN KERJA IZINLALU DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN DBKU (PINDAAN 1/2009)
- (2) GARIS PANDUAN STATE PLANNING AUTHORITY (MAJLIS PERANCANGAN NEGERI SARAWAK)
- (3) STATE ROAD ORDINANCE 1994
- (4) OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH ACT 1994
- (5) ARAHAN TEKNIK JALAN (JKR) 2C/85
- (6) STATE PLANNING AUTHORITY (MAJLIS PERANCANGAN NEGERI)
- (7) GARIS PANDUAN MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU